



PERATURAN PERMAINAN SEPAK TAKRAW SUKFAC

1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Sepak Takraw Kejuhanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC)

2. PERATURAN

Mengikut undang-undang dan Peraturan Gabungan Persatuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) dan Peraturan AM Kejuhanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) yang dikuatkuasa sepanjang kejuhanan sukan ini.

3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan antara pasukan mewakili Fakulti dibawah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

4. PENDAFTARAN DAN PEMBENTUKAN PASUKAN

- 4.1 Tiap- tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 4 orang pemain bagi satu regu. Setiap fakulti dibenarkan mendaftar maksimum 3 (TIGA) regu bagi acara ini.
- 4.2 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.
- 4.3 Hanya pemain pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

5. SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Sila rujuk Peraturan AM Sukfac, Perkara 9.
- 5.2 Pusingan awal,pemenang ditentukan dengan dua (2) set dari tiga (3) set permainan dengan kiraan 15 mata.
- 5.3 Setiap set dimainkan dengan kiraan mata 21 termasuk set ketiga atau set penentuan pada peringkat kalah mati

6. CARA MUMUTUSKAN KEPUTUSAN

- 6.1 Cara memberi mata:

Menang	-	2
Kalah	-	0

- 6.2 Jika terdapat pasukan pasukan mendapat jumlah mata yang sama,maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut:
 - 6.2.1 Kiraan perbezaan regu yang diperolehi.
 - 6.2.2 Kiraan perbezaan SET – Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan SET,akan dikira menang.
 - 6.2.3 Kiraan perbezaan ANGKA ANGKA MATA – Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan ANGKA ANGKA MATA, akan dikira pemenang.
 - 6.2.4 Sekiranya dengan kaedah kaedah diatas terdapat persamaan juga oleh DUA REGU,maka regu yang telah mengalahkan lawannya dikira menang dan jika kaedah ini masih belum dapat memutuskan pemenang,maka REGU REGU berkenaan akan diundi bagi menentukan Pemenang Kumpulan.

7. PAKAIAN

7.1 Pakaian seragam mengikut Peraturan ISTAF

8. KELEWATAN

Hanya 10 minit sahaja akan diberikan kepada sesuatu pasukan yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma denga kiraan 15-0,15-0.

9. BANTAHAN

9.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Peraturan Am Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC).

10. PERCANGGAHAN

10.1 Peraturan Am Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) akan digunapakai.